

## Kepimpinan Islam dari perspektif kenabian dan politik kontemporari

[Islamic leadership from the perspective of prophethood and contemporary politics]

Abang Azlan Abang Ahmad<sup>1,\*</sup>, Khairul Hamimah Mohammad Jodi<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Faculty of Social Sciences and Humanities, Open University Malaysia, Kelana Centre Point, Jalan SS 7/19, Ss 7, 47301 Petaling Jaya, Selangor

\*Corresponding author: [abangazlanresearch@gmail.com](mailto:abangazlanresearch@gmail.com)

DOI: <https://doi.org/10.33102/uij.735>

### ABSTRAK

Kepimpinan Islam merupakan aspek penting dalam struktur sosial dan politik masyarakat Muslim, terutama apabila ditinjau melalui dua kerangka utama: tadbir urus institusi dan keadilan global. Artikel ini menampilkan sorotan literatur sistematik bertajuk *Kepimpinan Islam dari Perspektif Kenabian dan Politik Kontemporari*, dengan tujuan mengenal pasti corak, prinsip dan amalan kepimpinan Islam yang membentuk dasar serta pembangunan sosial dalam konteks moden. Kajian ini berpandukan strategi pencarian lanjutan melalui pangkalan data ProQuest, melibatkan 216 rekod, dengan 47 kajian dipilih berdasarkan kesesuaian tema dan kriteria ilmiah. Analisis tematik menghasilkan tiga kluster utama: kepimpinan Muslim dan dinamika tadbir urus, kepimpinan politik Islam dalam konflik dan Penentangan, serta kepimpinan kenabian dan kerangka keadilan global. Dapatan menunjukkan bahawa keberkesanan kepimpinan Islam tidak bergantung semata-mata pada struktur institusi, tetapi turut dipengaruhi oleh nilai moral, keupayaan beradaptasi terhadap tekanan politik, serta strategi pembinaan identiti dan legitimasi. Nilai kepimpinan kenabian seperti belas kasihan, keadilan sosial dan ketelusan berperanan besar dalam membentuk pendekatan inklusif dan lestari. Dalam konteks konflik pula, kepimpinan Islam menonjolkan penyesuaian ideologi dan mobilisasi simbolik bagi mempertahankan komuniti. Artikel ini menegaskan wujud jurang wacana kerana dimensi kenabian, tadbir urus dan politik kontemporari sering dikaji secara terpisah. Justeru, ia berusaha menghubungkan ketiga-tiga dimensi tersebut dalam kerangka analisis menyeluruh, sambil mencadangkan penyelidikan rentas disiplin untuk menilai keberkesanan prinsip kepimpinan Islam dalam era globalisasi dan dasar keadilan sosial kontemporari.

**Kata kunci:** Kepimpinan Islam, Tadbir Urus, Politik Kontemporari, Kenabian, Keadilan Sosial

### ABSTRACT

Islamic leadership constitutes a vital aspect of the social and political structure of Muslim societies, particularly when examined through two main frameworks: institutional governance and global justice. This article presents a systematic literature review entitled *Islamic Leadership: A Prophetic and Contemporary Political Perspective*, aiming to identify the patterns, principles, and practices of Islamic leadership that shape policy and social development in the modern context. The study is guided by advanced search strategies via the ProQuest database, involving 216 records, with 47 studies selected based on thematic relevance and scholarly

Manuscript Received Date: 05/12/25

Manuscript Acceptance Date: 15/03/26

Manuscript Published Date: 31/03/26

©The Author(s) (2026). Published by USIM Press on behalf of the Universiti Sains Islam Malaysia. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution Non-Commercial License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact [penerbit@usim.edu.my](mailto:penerbit@usim.edu.my)



## Kepimpinan Islam dari perspektif kenabian dan politik kontemporari

quality criteria. Thematic analysis generated three main clusters: Muslim leadership and the dynamics of governance, Islamic political leadership in conflict and resistance, and prophetic leadership within the framework of global justice. Findings indicate that the effectiveness of Islamic leadership does not rely solely on institutional structures but is also influenced by moral values, the capacity to adapt to political pressures, as well as strategies of identity construction and legitimacy. Prophetic leadership values such as compassion, social justice, and transparency play a major role in shaping inclusive and sustainable approaches. In the context of conflict, Islamic leadership highlights ideological adaptation and symbolic mobilisation to safeguard communities. This article asserts that there exists a discursive gap as the dimensions of prophethood, governance, and contemporary politics are often studied in isolation. Hence, it seeks to interconnect these three dimensions within a comprehensive analytical framework, while proposing interdisciplinary research to evaluate the effectiveness of Islamic leadership principles in the era of globalisation and contemporary social justice policies.

**Keywords:** Islamic Leadership, Governance, Contemporary Politics, Prophethood, Social Justice

### PENDAHULUAN

Kepimpinan Islam membentuk teras masyarakat dan tamadun umat Islam merentasi dimensi spiritual, pemerintahan, tadbir urus dan keadilan sosial (Adanan Mat Junod & Khairunneezam Mohd Noor, 2012; Hanim et al., 2020). Dalam konteks kontemporari, kepimpinan Islam telah berkembang melampaui peranan tradisional keagamaan untuk menangani cabaran global seperti pembangunan mampan, ketidakadilan struktural, konflik antara budaya, dan Islamofobia (Dedi et al., 2021; MOSTI, 2021). Nilai kepimpinan kenabian seperti belas kasihan, kesaksamaan, amanah dan keadilan kini diiktiraf sebagai sumber etika sejagat yang boleh disepadukan dalam tadbir urus moden, sama ada dalam institusi agama, pendidikan atau pentadbiran awam (Abdullah, 2020; Hasan et al., 2014). Keperluan terhadap tadbir urus beretika menjadikan kajian kepimpinan Islam semakin relevan, terutama dalam dunia pascakolonial yang masih bergelut dengan ketimpangan sosial dan peralihan identiti politik (Setyawan & W. S., 2022). Kepimpinan berasaskan prinsip kenabian berpotensi menawarkan alternatif kepada pendekatan sekular yang memisahkan nilai moral daripada struktur kuasa (Hanim et al., 2020), dan terbukti mampu menyesuaikan strategi dalam menghadapi tekanan ideologi seperti yang dilihat dalam gerakan penentangan Islam dan kepimpinan akar umbi masyarakat minoriti (Muksin, 2018).

Walaupun kepentingannya jelas, kajian mengenai kepimpinan Islam menghadapi tiga kelemahan kritikal. Pertama, dimensi kenabian, tadbir urus institusi, dan politik kontemporari sering dikaji secara terpisah, sedangkan ketiga-tiganya saling berkait dalam pengalaman sejarah umat Islam. Kedua, analisis yang menggabungkan sumber klasik Islam dengan teori politik moden dan realiti semasa masih terhad. Ketiga, pemahaman kepimpinan Islam sebagai sistem nilai menyeluruh belum diolah secara sistematik. Kekosongan ini menghalang penilaian komprehensif terhadap bagaimana kepimpinan Islam berfungsi dalam konteks moden.

Artikel ini mengisi jurang tersebut melalui sorotan literatur sistematik yang mengintegrasikan tiga dimensi utama: (i) dinamika kepimpinan Muslim dalam tadbir urus institusi, (ii) strategi kepimpinan politik Islam dalam konflik dan penentangan, dan (iii) prinsip kepimpinan kenabian sebagai asas keadilan global. Dengan menganalisis 47 kajian terpilih daripada 216 rekod awal, artikel ini membina kerangka konseptual yang menghubungkan teori dengan praktik, sejarah dengan kontemporari, serta dimensi tempatan dengan global. Sumbangan utama kajian ini ialah penyatuan tiga domain yang biasanya dikaji secara berasingan ke dalam satu analisis koheren yang menilai transformasi, keberkesanan, dan relevansi kepimpinan Islam dalam menangani cabaran moden.

Oleh itu, berikut adalah antara persoalan bagi kajian ini:

1. Bagaimanakah kepimpinan Muslim melaksanakan peranan dalam memperkukuhkan tadbir urus institusi Islam dalam konteks organisasi keagamaan dan pendidikan moden?
2. Bagaimanakah kepimpinan politik Islam merangka strategi dan respons ideologi dalam konteks tekanan politik, konflik sosial atau penindasan ideologi?
3. Bagaimanakah prinsip kepimpinan kenabian digunakan untuk membina dasar keadilan sosial dan keamanan sejagat dalam konteks Pembangunan masyarakat berbilang budaya dan agama?

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan sorotan literatur sistematik melalui pangkalan data ProQuest. Kaedah ini dipilih kerana membolehkan analisis dan sintesis karya ilmiah secara terstruktur sambil mengurangkan risiko bias pemilihan bahan. Hanya dokumen akademik berautoriti dijadikan asas kepada hujahan dan dapatan kajian.

Proses pemilihan kajian melibatkan tiga peringkat. Pertama, peringkat pengenalan menggunakan teknik carian Boolean dengan kata kunci seperti "Kepimpinan Islam AND Tadbir Urus AND Keadilan Sosial" atau "Tadbir Urus OR Politik Kontemporari AND Kepimpinan Islam AND Kenabian". Kedua, peringkat saringan menapis 216 rekod awal kepada 47 kajian relevan berdasarkan tajuk, subjek dan kesesuaian tema. Keutamaan diberikan kepada artikel dalam tempoh lima tahun kebelakangan, namun kajian lebih lama turut dimasukkan untuk meneliti kesinambungan kronologi perkembangan kepimpinan. Kriteria lain termasuk bidang subjek relevan, jenis dokumen (artikel jurnal, tesis, laporan), dan bahasa penulisan (Bahasa Melayu dan Inggeris). Ketiga, peringkat penilaian kelayakan meneliti kesesuaian tajuk, ketepatan kata kunci dan kandungan abstrak. Dokumen yang abstraknya terlalu umum atau menyimpang dari kerangka kajian diketepikan.

Kriteria inklusi merangkumi: (i) kajian yang membincangkan kepimpinan Islam dalam konteks tadbir urus, politik atau nilai kenabian; (ii) dokumen akademik yang diterbitkan dalam jurnal berindeks atau tesis pascasiswazah; (iii) kajian empirikal atau konseptual yang menyumbang kepada pemahaman teoritis. Kriteria eksklusi pula meliputi: (i) artikel pendapat tanpa asas metodologi jelas; (ii) dokumen yang hanya menyentuh Islam secara umum tanpa fokus kepada kepimpinan; (iii) kajian yang tidak boleh diakses teks penuh.

Data dianalisis menggunakan analisis kandungan tematik untuk mengenal pasti pola dan menyusun maklumat mengikut tema. Tiga kluster utama muncul: (i) Kepimpinan Muslim dan Dinamika Tadbir Urus; (ii) Kepimpinan Politik Islam dalam Konflik dan Penentangan; dan (iii) Kepimpinan Kenabian dan Kerangka Keadilan Global. Analisis dilakukan secara sistematik untuk memastikan dapatan bukan sekadar deskriptif, tetapi menyumbang kepada pembangunan teori dan wacana akademik dalam bidang kepimpinan Islam kontemporari.

### **Kepimpinan Muslim dan Dinamika Tadbir Urus**

Kajian-kajian yang meneliti kepimpinan Muslim dalam konteks institusi membuktikan bahawa keberkesanan sesebuah organisasi Islam bukan semata-mata ditentukan oleh faktor teknikal, tetapi lebih kritikal bergantung kepada manusia yang mengemudinya, kehendak institusi yang melatari dasar, serta pengaruh sosio-politik yang mengelilinginya. Hamzah dan Zakaria (2022), misalnya, menekankan bahawa dalam pelaksanaan sistem perkahwinan Islam oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), kejayaan bukanlah hasil automatik daripada kewujudan sistem pentadbiran yang moden atau peraturan yang digubal dengan baik. Walaupun instrumen teknikal seperti sistem rekod perkahwinan berkomputer, garis panduan pentadbiran, serta struktur undang-undang diperkenalkan, dapatan menunjukkan bahawa faktor manusia dan kepimpinan atasanlah yang menjadi penentu sebenar kepada kejayaan pelaksanaan sistem tersebut. Kepimpinan pengurusan atasan yang bijak membuat keputusan, kecekapan pengguna yang menjalankan tugas, serta sokongan sumber kewangan yang mencukupi dilihat lebih dominan dalam menjamin keberkesanan sistem berbanding sekadar aspek teknikal. Justeru, dapat disimpulkan bahawa kemajuan institusi Islam tidak boleh diukur semata-mata melalui pembangunan teknologi atau instrumen birokratik, sebaliknya bergantung kepada kualiti kepimpinan dalam mengurus sumber manusia, membina kepercayaan masyarakat, serta mencapai objektif organisasi secara berkesan. Penekanan ini mengingatkan bahawa kepimpinan dalam Islam bukan sahaja tanggungjawab pentadbiran, tetapi juga amanah moral dan sosial. Pemimpin institusi Islam perlu memiliki sensitiviti terhadap keperluan komuniti yang dilayani, di samping memastikan sistem yang dibangunkan sentiasa relevan dengan perubahan sosio-politik negara. Oleh itu, Hamzah dan Zakaria (2022) memberikan gambaran jelas bahawa faktor manusia dan kepimpinan adalah nadi kepada keberkesanan pentadbiran institusi Islam, manakala teknologi hanya berperanan sebagai alat sokongan yang tidak mampu menggantikan nilai kemanusiaan dan kebijaksanaan pemimpin.

Penekanan terhadap faktor manusia dalam kepimpinan turut diperkukuhkan oleh Shatara dan Maslin-Ostrowski (2022) melalui kajian mereka terhadap pengalaman wanita Muslim yang memegang jawatan pengetua sekolah Islam di Amerika Syarikat. Kajian ini membuka dimensi baharu dalam perbincangan kepimpinan Islam kerana ia menampilkan realiti kepimpinan wanita dalam masyarakat minoriti Muslim Barat

## **Kepimpinan Islam dari perspektif kenabian dan politik kontemporari**

yang sering berdepan dengan cabaran berganda bukan sahaja kerana kedudukan mereka sebagai Muslim, tetapi juga kerana gender. Menariknya, kajian ini mendapati bahawa kebanyakan wanita tersebut tidak secara aktif mencari kedudukan kepimpinan, tetapi menerimanya kerana tuntutan komuniti dan keperluan institusi. Hal ini memperlihatkan satu ciri utama kepimpinan Islam, iaitu kepimpinan sebagai tanggungjawab sosial dan amanah, bukan sebagai pencarian kuasa atau kedudukan. Keimanan dan komitmen peribadi menjadi asas penting dalam membentuk pendekatan kepimpinan mereka, sekaligus menjadikan agama sebagai sumber utama legitimasi dan kekuatan moral. Walaupun mereka berdepan dengan cabaran jantina seperti diskriminasi atau stereotaip yang meragui kemampuan wanita sebagai pemimpin, mereka tetap mampu melaksanakan tugas secara berkesan melalui usaha mempertingkatkan kelayakan profesional, membina sokongan institusi, dan mengekalkan integriti diri. Kajian ini mengesahkan bahawa aspek kemanusiaan dalam kepimpinan khususnya apabila berpaksikan nilai iman dan prinsip keagamaan menjadi faktor teras dalam kejayaan pengurusan institusi Islam. Ia juga menunjukkan bahawa kepimpinan Islam bersifat inklusif, terbuka kepada wanita, serta berorientasikan tanggungjawab sosial, sekali gus menolak persepsi sempit bahawa kepimpinan dalam Islam hanya didominasi oleh lelaki. Dapatan ini menambah dimensi penting dalam wacana kepimpinan Muslim: ia bukan sahaja soal kebolehan teknikal atau kuasa pentadbiran, tetapi juga soal komitmen moral, keimanan, dan kesediaan untuk berkhidmat demi kepentingan komuniti.

Dalam konteks politik dan geografi yang berbeza, Mekawi et al. (2025) meneliti hubungan antara masjid dan negara di beberapa wilayah di Eropah serta menekankan bahawa kepimpinan institusi Islam di rantau tersebut sangat bergantung kepada cara pemimpin masjid bertindak balas terhadap persekitaran politik setempat. Kajian ini membahagikan strategi kepimpinan masjid kepada dua kategori utama: kooperatif dan konfrontatif. Di kawasan yang ditadbir oleh pemerintah berhaluan kiri yang lebih mesra kepada kepelbagaian budaya, pemimpin masjid lebih cenderung mengambil strategi kooperatif. Mereka berinteraksi dengan kerajaan tempatan secara positif, menjalin kerjasama untuk mendapatkan pengiktirafan sah, membina reputasi baik, serta memastikan perlindungan kepada komuniti Muslim. Pendekatan ini membolehkan masjid dilihat bukan sahaja sebagai institusi agama, tetapi juga sebagai rakan sosial yang menyumbang kepada pembangunan masyarakat majmuk. Sebaliknya, di kawasan yang dikuasai oleh pemerintah berhaluan kanan yang lebih skeptikal atau kritikal terhadap Islam, pemimpin masjid memilih strategi mengelak. Strategi ini berfungsi sebagai usaha mengurangkan risiko kecemasan awam, mengelakkan konflik terbuka, serta mengekalkan kelangsungan institusi dalam persekitaran yang penuh cabaran. Kajian ini jelas menggambarkan bahawa kepimpinan institusi Islam di Eropah adalah responsif dan adaptif, bergantung pada latar politik serta dasar setempat. Pemimpin masjid bukan sekadar mengurus hal ehwal ibadah, tetapi juga memikul tanggungjawab dwi-fungsi sebagai wakil komuniti Muslim dan pengantara dengan pihak berkuasa. Realiti ini menunjukkan bahawa kepimpinan Islam di Barat perlu dilihat sebagai fenomena politik dan sosial yang kompleks, bukan hanya sebagai pengurusan institusi keagamaan semata-mata. Dapatan ini menegaskan bahawa kepimpinan Muslim dalam konteks minoriti sangat bergantung pada keupayaan menyesuaikan strategi dengan realiti persekitaran, di mana sensitiviti, kebijaksanaan politik, dan keberanian moral menjadi asas survival komuniti.

Walaupun kajian sedia ada menumpukan kepada institusi formal seperti masjid, sekolah dan badan berkanun, peranan kepimpinan informal dalam NGO Islam masih kurang dibincangkan. Organisasi akar umbi yang beroperasi tanpa struktur birokrasi formal sering memainkan peranan penting dalam pergerakan komuniti, terutama dalam konteks masyarakat minoriti atau kawasan konflik. Kajian lanjut perlu meneliti bagaimana pemimpin informal ini membina legitimasi, menguruskan sumber, dan mempengaruhi dasar komuniti tanpa sokongan struktur institusi rasmi.

Apabila ketiga-tiga kajian ini dianalisis secara komparatif, semakin jelas bahawa sifat kepimpinan Muslim dalam konteks institusi tidak boleh difahami secara linear atau tunggal, sebaliknya ia wujud dalam bentuk yang kompleks, berlapis, dan sangat bergantung kepada konteks sosial, politik dan budaya yang melingkarinya. Hamzah dan Zakaria (2022) memperlihatkan dengan tuntas bagaimana faktor manusia, kecekapan pegawai, serta sokongan kewangan merupakan tunjang utama keberkesanan sistem perkahwinan Islam di Malaysia, sekali gus menolak pandangan reduksionis bahawa kemajuan hanya dapat dicapai melalui pengenalan teknologi pentadbiran moden. Walaupun teknologi seperti sistem rekod berkomputer, garis panduan pengurusan digital atau infrastruktur undang-undang yang mantap telah diperkenalkan, keberkesanan sistem masih berpunca daripada kebijaksanaan kepimpinan pengurusan atasan dalam membuat keputusan yang adil dan praktikal, selain daripada kemampuan pegawai di lapangan yang melaksanakan tugas dengan cekap. Ini memberi gambaran bahawa teknologi hanya berfungsi sebagai alat pelengkap, manakala aspek kepemimpinan manusia merupakan inti utama yang menentukan keberhasilan pentadbiran Islam. Dalam konteks ini, kepimpinan dalam Islam tidak boleh hanya difahami sebagai satu mekanisme pentadbiran neutral, tetapi mesti dilihat sebagai manifestasi amanah moral yang melibatkan pertimbangan etika, sensitiviti sosial, dan kebijaksanaan politik.

Shatara dan Maslin-Ostrowski (2022) pula menambahkan satu lagi dimensi dengan menonjolkan pengalaman wanita Muslim yang berperanan sebagai pengetua sekolah Islam di Amerika Syarikat. Kajian mereka memperlihatkan bahawa kepimpinan Muslim bukan sahaja dipengaruhi oleh faktor teknikal atau birokratik, tetapi juga oleh keimanan, komitmen moral, dan keperluan komuniti. Menariknya, kepimpinan wanita ini tidak lahir daripada keinginan untuk mencari kedudukan atau kuasa, tetapi didorong oleh amanah sosial serta permintaan komuniti yang menilai keupayaan mereka berdasarkan integriti dan kesediaan untuk berkhidmat. Hal ini menegaskan ciri kepimpinan Islam sebagai tanggungjawab sosial, bukan sekadar pencapaian peribadi. Walaupun mereka menghadapi cabaran diskriminasi jantina dan stereotaip budaya Barat yang sering meragui kemampuan wanita Muslim, mereka mampu mengatasinya melalui usaha meningkatkan kelayakan profesional, memperkukuh jaringan sokongan institusi, serta berpegang teguh kepada nilai iman. Dapatan ini sekali gus menolak persepsi sempit bahawa kepimpinan dalam Islam hanya didominasi oleh lelaki, sebaliknya ia bersifat inklusif dan terbuka, berasaskan merit, amanah, dan komitmen kepada prinsip keadilan. Kajian ini juga memperlihatkan bahawa faktor manusia dalam kepimpinan Muslim bukan sahaja penting dalam konteks pentadbiran formal, tetapi juga dalam membina kepercayaan moral dan sosial yang menjadi teras kepada kelangsungan sesebuah institusi Islam.

Dalam kajian Mekawi et al. (2025), kepimpinan Muslim diperlihatkan dari perspektif politik Eropah yang lebih mencabar, di mana masjid berperanan bukan sahaja sebagai pusat ibadah, tetapi juga sebagai medan interaksi politik dan sosial antara komuniti Muslim dengan pihak berkuasa negara. Kajian ini membahagikan strategi kepimpinan masjid kepada dua bentuk utama, iaitu koperatif dan konfrontatif, bergantung kepada corak politik setempat. Di kawasan yang ditadbir oleh pemerintah berhaluan kiri yang lebih mesra kepada kepelbagaian budaya, pemimpin masjid lebih cenderung bersikap koperatif, melibatkan diri secara aktif dengan kerajaan, menjalin kerjasama bagi mendapatkan pengiktirafan undang-undang, serta melindungi reputasi institusi daripada salah faham. Sebaliknya, di kawasan yang didominasi pemerintah berhaluan kanan yang skeptikal terhadap Islam, strategi kepimpinan lebih bersifat mengelak dan defensif, bagi mengurangkan risiko konfrontasi serta menjaga kelangsungan komuniti. Pola ini memperlihatkan keupayaan pemimpin Islam untuk menyesuaikan strategi mereka mengikut realiti politik, sekali gus menunjukkan bahawa kepimpinan Muslim adalah fenomena yang fleksibel, responsif dan bergantung kepada kepekaan konteks. Hal ini membuktikan bahawa pemimpin masjid bukan sahaja berperanan sebagai pentadbir agama, tetapi juga sebagai wakil komuniti dan pengantara antara umat Islam dengan negara.

Secara komparatif, ketiga-tiga kajian ini memperkukuh hakikat bahawa kepimpinan Muslim bukanlah satu model seragam atau universal. Sebaliknya, ia bersifat kontekstual, bergantung kepada faktor dalaman seperti iman, komitmen peribadi, dan sokongan komuniti, serta faktor luaran seperti suasana politik, sistem perundangan, dan landskap sosio-budaya. Hamzah dan Zakaria (2022) menekankan kepentingan faktor manusia dalam pentadbiran rasmi di Malaysia; Shatara dan Maslin-Ostrowski (2022) memperlihatkan peranan wanita Muslim dalam konteks minoriti di Amerika; sementara Mekawi et al. (2025) menegaskan strategi adaptif kepimpinan masjid di Eropah. Walaupun berbeza geografi, kesemuanya menekankan corak yang sama, iaitu kejayaan institusi Islam tidak boleh dipisahkan daripada sifat kepemimpinan yang berasaskan iman, komitmen sosial, serta kepekaan terhadap persekitaran. Pola ini memperkukuh pandangan bahawa kepimpinan Muslim adalah fenomena multidimensi yang menggabungkan keupayaan teknikal dengan kemahiran moral, kepekaan sosial dan kebijaksanaan politik. Keseluruhan huraian ini membuktikan bahawa untuk memahami kepimpinan Muslim secara menyeluruh, analisis mesti melibatkan dimensi sejarah, politik, sosiologi, dan keagamaan yang saling berinteraksi dalam membentuk realiti kepemimpinan Islam kontemporari.

Kesimpulannya, kajian oleh Hamzah dan Zakaria (2022), Shatara dan Maslin-Ostrowski (2022), serta Mekawi et al. (2025) telah memberikan sumbangan penting yang tidak ternilai dalam memperluas kefahaman mengenai kepimpinan Muslim dalam konteks institusi. Walaupun kajian-kajian ini dilaksanakan dalam latar geografi yang berbeza Malaysia, Amerika Syarikat, dan Eropah dapatan yang muncul memperlihatkan pola konsisten bahawa kejayaan institusi Islam tidak boleh hanya dihubungkan dengan kewujudan sistem teknikal semata-mata. Sebaliknya, faktor kepimpinan yang berwibawa, komitmen moral yang teguh, serta kebolehan menyesuaikan diri dengan cabaran politik dan sosial semasa menjadi kunci kepada kelangsungan dan keberkesanan institusi. Hal ini menekankan bahawa keberhasilan institusi Islam bukanlah sekadar hasil pembangunan struktur birokrasi atau teknologi pentadbiran moden, tetapi lebih ditentukan oleh sifat kemanusiaan, visi kepimpinan, serta kebijaksanaan dalam merespons realiti sekeliling. Dengan kata lain, teknologi dan sistem hanyalah instrumen, manakala roh yang menggerakkan institusi datang daripada manusia yang memimpin dan komuniti yang mempercayainya.

Dalam konteks Malaysia, Hamzah dan Zakaria (2022) menegaskan bahawa keberkesanan sistem perkhawinan Islam adalah hasil daripada kepimpinan pengurusan atasan yang mampu mengimbangi pelbagai

## **Kepimpinan Islam dari perspektif kenabian dan politik kontemporari**

keperluan, mengurus sumber kewangan dengan efisien, serta memastikan pegawai pelaksana menjalankan tugas dengan penuh profesionalisme. Ini membuktikan bahawa pemimpin institusi Islam mesti lebih daripada sekadar pentadbir; mereka perlu menjadi pemikir strategik yang peka terhadap keperluan masyarakat, bijak dalam mengagihkan sumber, serta cekap dalam membina hubungan kepercayaan dengan komuniti. Dapatan ini juga memperlihatkan kepimpinan sebagai satu bentuk amanah moral, di mana kejayaan tidak diukur pada tahap pematuhan teknikal semata-mata, tetapi pada sejauh mana ia mampu memberikan kesan positif kepada kesejahteraan umat Islam. Oleh itu, peranan pemimpin menjadi kritikal dalam menghubungkan dasar institusi dengan realiti kehidupan masyarakat, sekali gus menjadikan keberkesanan sesebuah sistem sangat bergantung pada nilai dan integriti manusia yang memimpin.

Sementara itu, Shatara dan Maslin-Ostrowski (2022) memperlihatkan dimensi lain melalui kajian ke atas pengalaman wanita Muslim yang menjadi pengetua sekolah Islam di Amerika Syarikat. Dapatan mereka membuktikan bahawa iman, komitmen moral, dan rasa tanggungjawab sosial mampu menjadi sumber kekuatan kepimpinan walaupun berdepan diskriminasi gender dan cabaran budaya sebagai minoriti Muslim di Barat. Pengalaman ini memperkukuh naratif bahawa kepimpinan Islam bersifat inklusif, fleksibel, serta mampu menyesuaikan diri dengan tuntutan komuniti dan persekitaran. Wanita Muslim dalam kedudukan kepimpinan ini menunjukkan bahawa pengaruh agama dan nilai spiritual mampu membentuk ketahanan moral serta memberi legitimasi yang kukuh, sekaligus menolak persepsi sempit bahawa kepimpinan Islam hanya dikhususkan untuk lelaki. Lebih penting lagi, mereka mengesahkan bahawa kepimpinan Islam berfungsi sebagai amanah kolektif bukan ruang untuk mencari kuasa peribadi, tetapi tanggungjawab yang lahir daripada keperluan masyarakat. Kajian ini juga menekankan bahawa keberkesanan kepimpinan Muslim tidak boleh diukur hanya melalui pencapaian birokratik, tetapi juga melalui kemampuan untuk menginspirasi kepercayaan, mengatasi stereotaip, serta memastikan kelangsungan institusi melalui integriti dan dedikasi.

Dalam konteks Eropah, Mekawi et al. (2025) menunjukkan bahawa pemimpin masjid berperanan sebagai pengantara utama antara komuniti Muslim dengan negara, dengan strategi yang berbeza-beza bergantung pada landskap politik tempatan. Di wilayah yang ditadbir oleh pemerintah berhaluan kiri, pendekatan koperatif diambil melalui kerjasama aktif dengan kerajaan tempatan untuk mendapatkan pengiktirafan dan melindungi reputasi institusi. Sebaliknya, di kawasan berhaluan kanan yang lebih skeptikal, strategi konfrontatif atau pengelakan digunakan demi survival komuniti dan kestabilan jangka panjang. Dapatan ini membuktikan bahawa kepimpinan Islam dalam konteks minoriti sangat responsif, memerlukan kebijaksanaan politik, sensitiviti sosial, dan keberanian moral. Ia juga mengingatkan bahawa pemimpin institusi Islam tidak boleh dilihat sekadar sebagai pentadbir keagamaan, tetapi sebagai aktor sosial-politik yang berfungsi dalam landskap yang kompleks, membawa amanah untuk melindungi identiti, menjaga keharmonian, dan memastikan kelangsungan komuniti.

Secara keseluruhannya, kesemua kajian ini menegaskan bahawa kepimpinan Muslim adalah fenomena yang kompleks, kontekstual, dan multidimensi. Kejayaan institusi Islam sentiasa bergantung kepada kombinasi faktor dalaman seperti keimanan, integriti, kecekapan sumber manusia, serta faktor luaran seperti suasana politik dan struktur sosial. Implikasi daripada dapatan ini amat jelas: masa depan institusi Islam memerlukan pemimpin yang bukan sahaja cekap secara teknikal, tetapi juga memiliki ketahanan moral, kepekaan sosial, serta kemampuan adaptif untuk menghadapi perubahan dunia moden. Inilah yang menjadikan kepimpinan Islam unik berbanding model kepimpinan lain ia tidak hanya menekankan aspek pentadbiran organisasi, tetapi juga memainkan peranan sebagai benteng identiti, penjaga legitimasi sosial, serta pengantara dalam landskap politik yang sentiasa berubah. Hanya melalui pemimpin berwibawa yang mampu menyeimbangkan tuntutan agama dengan cabaran kontemporari, institusi Islam dapat terus teguh, relevan, dan berdaya tahan dalam era globalisasi.

Kesemua dapatan ini menunjukkan bahawa kepimpinan Muslim dalam institusi sangat kontekstual. Kejayaan bukan ditentukan oleh instrumen teknikal semata-mata, tetapi oleh kebolehan pemimpin mengurus manusia, membina kepercayaan, dan menyesuaikan diri dengan realiti sosio-politik sekeliling. Jika perbincangan mengenai tadbir urus menekankan faktor institusi dan keberkesanan organisasi, bahagian seterusnya pula mengalihkan fokus kepada kepimpinan politik Islam dalam suasana konflik, yang menonjolkan bagaimana strategi penyesuaian ideologi dan ketahanan komuniti membentuk mekanisme survival umat.

Keberkesanan institusi Islam bergantung kepada gabungan tiga faktor utama: kualiti kepimpinan, kecekapan sumber manusia, dan kesesuaian dengan persekitaran sosio-politik. Teknologi dan sistem pentadbiran semata-mata tidak mencukupi tanpa pemimpin yang cekap menguruskan organisasi. Hamzah dan Zakaria (2022) mengkaji sistem perkahwinan Islam yang dilaksanakan oleh JAKIM dan JAWI di

Malaysia. Walaupun sistem rekod berkomputer dan garis panduan pentadbiran telah dibangunkan, kejayaan sebenar bergantung kepada tiga elemen: kepimpinan pengurusan atasan yang membuat keputusan bijak, kecekapan pegawai dalam melaksanakan tugas, dan kecukupan sokongan kewangan. Dapatan ini menunjukkan bahawa pemodenan institusi Islam memerlukan lebih daripada infrastruktur teknikal. Ia memerlukan pemimpin yang peka terhadap keperluan masyarakat dan mampu menterjemahkan dasar kepada amalan berkesan. Kepimpinan dalam Islam bukan sekadar tanggungjawab pentadbiran, tetapi juga amanah moral dan sosial yang menuntut sensitiviti terhadap perubahan sosio-politik negara.

Shatara dan Maslin-Ostrowski (2022) meneliti pengalaman wanita Muslim yang menjadi pengetua sekolah Islam di Amerika Syarikat. Mereka mendapati bahawa kepimpinan ini bukan didorong oleh keinginan peribadi untuk berkuasa, sebaliknya lahir daripada tuntutan komuniti yang memerlukan khidmat mereka. Keimanan dan integriti peribadi menjadi asas kepada legitimasi kepimpinan mereka. Cabaran diskriminasi jantina dan stereotaip budaya diatasi melalui peningkatan kelayakan profesional dan pembinaan jaringan sokongan institusi. Realiti ini membuktikan dua perkara penting: pertama, kepimpinan Islam tidak terbatas kepada lelaki; kedua, amanah sosial lebih penting daripada ambisi peribadi dalam membentuk pemimpin yang berkesan. Kajian ini mengesahkan bahawa aspek kemanusiaan dalam kepimpinan, khususnya apabila berpaksikan nilai iman, menjadi faktor teras dalam kejayaan pengurusan institusi Islam.

Mekawi et al. (2025) memperluas pemahaman ini dengan mengkaji hubungan antara masjid dan kerajaan tempatan di Eropah. Mereka mengenal pasti dua strategi utama yang digunakan oleh pemimpin masjid bergantung kepada landskap politik setempat. Di kawasan yang ditadbir oleh pemerintah berhaluan kiri, pemimpin masjid mengambil pendekatan koperatif dengan menjalin kerjasama dengan pihak berkuasa untuk mendapat pengiktirafan rasmi dan melindungi reputasi komuniti. Sebaliknya, di kawasan yang dikuasai pemerintah berhaluan kanan yang lebih skeptikal terhadap Islam, strategi defensif digunakan untuk mengelak konfrontasi dan menjamin survival institusi. Pola ini mengesahkan bahawa kepimpinan Islam di negara minoriti Muslim bersifat sangat responsif, memerlukan kepekaan politik dan fleksibiliti strategik. Pemimpin masjid bukan sekadar mengurus hal ehwal ibadah, tetapi juga memikul tanggungjawab dwifungsi sebagai wakil komuniti Muslim dan pengantara dengan pihak berkuasa.

Perbandingan ketiga-tiga kajian ini mendedahkan corak yang konsisten: kepimpinan Muslim berfungsi secara kontekstual, bukan universal. Di Malaysia, penekanan adalah kepada kecekapan pentadbiran dalam institusi kerajaan. Di Amerika Syarikat, keutamaan diberikan kepada integriti moral dalam menghadapi diskriminasi sebagai minoriti. Di Eropah, strategi politik menentukan survival komuniti. Namun, satu benang merah menyatukan ketiga-tiga konteks ini: kejayaan institusi Islam tidak dapat dipisahkan daripada kepimpinan yang berakar pada nilai keimanan, komitmen kepada komuniti, dan kepekaan terhadap persekitaran.

Walau bagaimanapun, ketiga-tiga kajian ini memiliki batasan yang perlu diambil kira. Semua tertumpu kepada institusi formal seperti jabatan kerajaan, sekolah, dan masjid, tanpa meneliti kepimpinan dalam organisasi tidak formal seperti NGO Islam, badan kebajikan, atau pergerakan akar umbi. Selain itu, tiada perbandingan dibuat dengan model kepimpinan daripada tradisi lain untuk menilai kelebihan dan kelemahan relatif pendekatan Islam. Jurang ini menunjukkan keperluan kajian lanjut yang lebih holistik dan komparatif. Kepimpinan dalam institusi Islam tidak boleh difahami sebagai fenomena teknikal atau birokratik semata-mata. Ia adalah gabungan antara nilai moral, kecekapan pengurusan, dan kebijaksanaan politik yang disesuaikan dengan konteks tempatan. Masa depan institusi Islam bergantung kepada pemimpin yang bukan sahaja cekap secara profesional, tetapi juga memiliki ketahanan moral dan kepekaan sosial untuk menghadapi cabaran dunia moden.

### **Kepimpinan Politik Islam dalam Konflik dan Penentangan**

Kepimpinan politik Islam dalam konteks konflik melibatkan penyesuaian strategik terhadap tekanan kolonial, marginalisasi identiti, dan perubahan struktur kuasa. Konflik ini bukan sekadar peperangan bersenjata, tetapi merangkumi cabaran politik, ideologi dan budaya yang memaksa komuniti Islam mengubahsuai strategi kepimpinan untuk survival.

Hamoud dan Naser-Najjab (2023) mengkaji Hamas sebagai entiti politik *de facto* di Gaza sejak 2007. Walaupun tidak diiktiraf di peringkat antarabangsa, Hamas memperoleh legitimasi melalui sokongan akar umbi tempatan. Strategi sosialisasi yang digunakan melibatkan penyesuaian ideologi asal yang menolak

### **Kepimpinan Islam dari perspektif kenabian dan politik kontemporari**

gagasan dua-negara kepada pendekatan lebih pragmatik untuk memberi ruang perundingan politik. Namun, strategi ini tidak sepenuhnya berjaya kerana kegagalan dasar antarabangsa mengiktiraf realiti Gaza dan tekanan berterusan terhadap masyarakat Palestin. Hamas membuktikan kepimpinan Islam mampu mencabar struktur kuasa dominan walaupun beroperasi dalam ruang politik tidak rasmi, melalui gabungan penyesuaian ideologi, tadbir urus alternatif, dan sokongan komuniti. Legitimasi Hamas berpunca daripada dua faktor: penentangan terhadap kuasa dominan dan keupayaan menyediakan pentadbiran asas walaupun sumber terhad.

Rehman dan Neville (2022) meneliti kebangkitan nasionalisme Islam di India kolonial (1857-1947), ketika umat Islam berdepan krisis identiti dalam menghadapi dominasi British dan kebangkitan nasionalisme sekular Barat. Tokoh teologi berbahasa Urdu seperti Syed Ahmad Khan dan Maulana Abul Kalam Azad menggunakan analisis semiotik untuk membina naratif kebangsaan Muslim moden. Mereka menolak sekularisme Barat dan mengkritik nasionalisme India yang mengabaikan Islam, sekaligus menyatukan simbol keagamaan dengan tuntutan politik kontemporari seperti kebebasan dan kedaulatan. Kepimpinan intelektual ini membentuk teologi politik yang menegaskan pelaksanaan syariat memerlukan kedaulatan politik tersendiri, meletakkan asas perjuangan politik umat Islam di Asia Selatan. Kajian ini menunjukkan kepimpinan politik Islam boleh berbentuk perjuangan wacana dan simbolik, bukan sekadar penentangan bersenjata. Identiti agama berfungsi sebagai inti yang menyatukan umat Islam dalam perjuangan melawan penjajahan, membuktikan syariat dan kedaulatan politik saling melengkapi.

Rhein dan De Vos (2021) mengkaji komuniti Morisco di Semenanjung Iberia (abad ke-12 hingga ke-17) yang hidup dalam penindasan Katolik selepas kejatuhan Andalusia. Dipaksa menukar agama secara zahir dan berasimilasi, identiti Islam bertahan melalui fenomena Crypto-Islam. Amalan agama dilaksanakan secara rahsia dan disesuaikan dengan simbol budaya setempat untuk mengelak pengawasan. Kepimpinan tidak formal oleh ulama kecil dan ketua keluarga berfungsi sebagai penjaga tradisi dan penghubung ilmu kepada generasi muda. Pengalaman Morisco membuktikan kepimpinan Islam boleh berbentuk halus dan tersembunyi, berfungsi melalui agensi budaya dan solidariti sosial untuk mempertahankan identiti dalam persekitaran yang memaksa asimilasi. Survival umat Islam bergantung bukan pada kuasa politik rasmi, tetapi pada kekuatan komuniti mengekalkan identiti melalui cara tersembunyi dan strategik.

Ketiga-tiga kajian mendedahkan pola konsisten: kepimpinan politik Islam bersifat adaptif dan kontekstual, berfungsi dalam pelbagai bentuk bergantung kepada jenis tekanan yang dihadapi. Hamas menunjukkan adaptasi ideologi dalam konflik geopolitik moden; nasionalisme Islam India menunjukkan perjuangan wacana dalam era kolonial; Morisco menunjukkan survival budaya dalam penindasan agama. Namun, semua berkongsi tiga elemen: pertama, penentangan terhadap kuasa dominan; kedua, pembinaan atau pemeliharaan identiti Islam; ketiga, legitimasi yang berakar pada komuniti, bukan pengiktirafan rasmi. Variasi bentuk kepimpinan ini membuktikan Islam mampu beroperasi dari gerakan moden berstruktur hingga komuniti kecil tersembunyi, namun berakar pada nilai sama: mempertahankan identiti, membina solidariti, dan menjamin survival.

Walau bagaimanapun, terdapat limitasi kritikal. Ketiga-tiga kajian tertumpu kepada konteks konflik ekstrem (peperangan, penjajahan, penindasan agama), tanpa meneliti kepimpinan politik Islam dalam persekitaran lebih stabil atau demokratik. Tiada kajian mengkaji bagaimana kepimpinan Islam berfungsi dalam sistem politik kompetitif terbuka atau dalam kerjasama dengan kerajaan bukan Islam. Selain itu, tiada perbandingan dengan gerakan penentangan daripada tradisi agama lain untuk menilai keunikan pendekatan Islam. Jurang ini menunjukkan keperluan kajian yang meneliti kepimpinan politik Islam dalam spektrum konflik lebih luas, daripada penindasan melampau hingga kompetisi politik demokratik, serta perbandingan rentas agama untuk memahami ciri khas strategi Islam.

Kesimpulannya, kepimpinan politik Islam dalam konflik tidak boleh dilihat sebagai reaksi pasif, tetapi mekanisme aktif membina semula struktur identiti, solidariti, dan kedaulatan umat. Kepimpinan ini merangkumi pelbagai bentuk dari gerakan moden, perjuangan intelektual, hingga survival budaya tersembunyi. Keberkesanannya bergantung bukan kepada struktur formal atau pengiktirafan rasmi, tetapi kepada keupayaan menyesuaikan strategi dengan realiti tempatan sambil mengekalkan prinsip Islam. Implikasinya jelas: kepimpinan politik Islam di peringkat global adalah fenomena dinamik yang fleksibel, responsif, dan berakar pada nilai agama, namun sentiasa mencari ruang strategi sesuai untuk mempertahankan identiti dan menjamin survival umat dalam pelbagai konteks

## Kepimpinan Kenabian dan Kerangka Keadilan Global

Kajian oleh Khodr dan Elamin (2023) memberikan satu perspektif penting mengenai bagaimana amalan kepemimpinan Nabi Muhammad SAW dalam menyelesaikan konflik secara aman dapat dikaitkan secara langsung dengan Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Sustainable Development Goals, SDG), khususnya SDG 16 yang menekankan aspek keamanan, keadilan, dan institusi inklusif. Analisis mereka menggariskan bahawa strategi kepemimpinan kenabian bukan sahaja relevan dalam konteks sejarah, tetapi juga mampu menjadi kerangka rujukan untuk membina masyarakat moden yang lebih harmoni dan berdaya tahan. Nabi SAW menghadapi pelbagai bentuk konflik sama ada dalam kalangan kabilah Arab, antara Muslim dan bukan Muslim, mahupun konflik yang berkaitan dengan hubungan politik serantau. Walaupun baginda memiliki kuasa untuk menggunakan pendekatan ketenteraan, pilihan utama baginda adalah berunding, berdialog, dan membina persefahaman. Strategi ini tidak hanya bersifat sementara untuk meredakan ketegangan, tetapi berakar pada prinsip keadilan, belas kasihan, dan penghormatan terhadap maruah manusia. Nilai-nilai inilah yang menurut Khodr dan Elamin (2023) membentuk asas kepemimpinan moral Nabi SAW, yang akhirnya menghasilkan masyarakat lebih stabil dan inklusif di Semenanjung Tanah Arab. Dengan menghubungkan nilai kenabian kepada kerangka SDG, kajian ini menegaskan bahawa model kepemimpinan Nabi SAW bukan sahaja berfungsi pada abad ke-7, tetapi boleh dijadikan panduan sejagat dalam usaha menangani cabaran konflik moden yang semakin kompleks.

Khodr dan Elamin (2023) turut menegaskan bahawa amalan kepemimpinan Nabi SAW memberi panduan yang relevan kepada para pemimpin kontemporari, khususnya dalam usaha membina masyarakat yang lebih adil, saksama, dan aman. Prinsip-prinsip kenabian seperti kesaksamaan gender, ketelusan dalam pentadbiran, dan pengiktirafan terhadap hak-hak minoriti bukanlah konsep moden semata-mata, tetapi telah diamalkan lebih 1400 tahun dahulu. Sebagai contoh, Nabi SAW mengangkat kedudukan wanita melalui hak warisan, hak untuk memilih pasangan, serta peluang untuk mendapatkan pendidikan, suatu pencapaian yang revolusioner dalam masyarakat Arab pada ketika itu. Begitu juga dalam soal hak minoriti, baginda menandatangani Piagam Madinah yang mengiktiraf komuniti Yahudi, Kristian, dan kabilah lain sebagai sebahagian daripada negara kota yang dipimpin oleh prinsip keadilan bersama. Nilai-nilai ini, menurut Khodr dan Elamin (2023), sangat selari dengan elemen utama SDG 16 yang menyeru kepada keamanan dan institusi inklusif. Lebih daripada itu, dapatan kajian ini memberi sumbangan besar dalam menangani naratif negatif Islamofobia yang kerap menggambarkan Islam sebagai agama yang konfrontatif atau menindas. Dengan mengaitkan prinsip kenabian kepada kerangka pembangunan global, Khodr dan Elamin memperlihatkan bagaimana Islam menawarkan naratif alternatif yang berlandaskan keadilan, dialog, dan keindahan moral. Kesimpulannya, kepemimpinan Nabi SAW dalam hal ini membuktikan bahawa prinsip Islam mempunyai kesesuaian universal dan boleh dijadikan asas untuk membentuk polisi dan amalan kepemimpinan moden yang lebih adil dan lestari.

Kajian ini juga mengupas bahawa pendekatan kepemimpinan Islam melalui teladan kenabian tidak bersifat konfrontatif, sebaliknya berakar pada nilai dialog, toleransi, dan kebijaksanaan. Nabi SAW tidak melihat konflik semata-mata sebagai ancaman, tetapi sebagai peluang untuk mendidik, memperbaiki, dan membina hubungan yang lebih kukuh. Sebagai contoh, dalam Perjanjian Hudaibiyah, walaupun terdapat syarat-syarat yang kelihatan tidak menguntungkan umat Islam pada ketika itu, baginda tetap menandatangani demi mengelakkan pertumpahan darah yang lebih besar. Namun, dalam jangka panjang, perjanjian itu memberi ruang strategik kepada umat Islam untuk berkembang secara damai, sekaligus menunjukkan kepemimpinan Nabi yang berorientasikan masa depan dan kestabilan jangka panjang. Pendekatan seperti ini membuktikan bahawa kepemimpinan yang berpaksikan belas kasihan dan keadilan mampu menghasilkan impak yang lebih besar berbanding kemenangan ketenteraan jangka pendek. Khodr dan Elamin (2023) menegaskan bahawa strategi Nabi SAW adalah pelbagai dan sentiasa kontekstual, bergantung kepada situasi yang dihadapi. Namun, terdapat satu prinsip konsisten yang tidak pernah berubah, iaitu keadilan, belas kasihan, dan penghormatan terhadap manusia. Nilai-nilai ini sangat relevan dengan debat semasa mengenai kepemimpinan bertanggungjawab (*responsible leadership*) dalam konteks pembangunan lestari, yang menekankan bahawa pemimpin harus mengutamakan kesejahteraan masyarakat sejagat berbanding kepentingan kelompok tertentu sahaja. Justeru, kajian ini membuka ruang untuk memahami bahawa kepemimpinan Nabi SAW bukan hanya model keagamaan, tetapi juga model kemanusiaan sejagat yang boleh dijadikan asas rujukan dalam membina keamanan dunia.

Analisis Khodr dan Elamin (2023) turut memperlihatkan bagaimana nilai-nilai kenabian boleh disepadukan dengan usaha global untuk menangani cabaran kontemporari seperti konflik etnik, diskriminasi, dan keganasan politik. Model kepemimpinan Nabi SAW yang berasaskan kasih sayang dan keadilan sosial menekankan kepentingan inklusiviti dalam membina masyarakat. Hal ini sangat signifikan dalam konteks dunia moden yang berdepan dengan cabaran polarisasi politik, ketidakstabilan antarabangsa, dan peningkatan

## **Kepimpinan Islam dari perspektif kenabian dan politik kontemporari**

isu Islamofobia. Dengan menjadikan teladan Nabi SAW sebagai asas rujukan, masyarakat global boleh membina naratif alternatif yang lebih harmoni, sekali gus menolak stereotaip negatif bahawa Islam adalah agama yang menggalakkan kekerasan. Dapatan kajian ini menegaskan bahawa prinsip kenabian boleh menjadi asas intelektual dan praktikal untuk membentuk dialog antara agama, memperkukuh kerjasama budaya, serta mempromosikan nilai keamanan sejagat. Lebih penting, pendekatan ini juga membuktikan bahawa kepimpinan Islam tidak bersifat eksklusif kepada umat Islam sahaja, tetapi relevan kepada semua manusia kerana ia berpaksikan nilai-nilai sejagat. Dengan menghubungkan amalan kepimpinan Nabi SAW kepada SDG 16, Khodr dan Elamin (2023) membuka ruang untuk Islam dilihat bukan sahaja sebagai agama, tetapi sebagai penyumbang penting dalam usaha membentuk sistem global yang lebih inklusif, adil, dan aman. Hal ini juga memperkukuh legitimasi Islam dalam wacana antarabangsa serta mengukuhkan kedudukannya sebagai rakan strategik dalam pembangunan global.

Kesimpulannya, kajian Khodr dan Elamin (2023) menegaskan bahawa amalan kepimpinan Nabi Muhammad SAW dalam menyelesaikan konflik secara aman bukan sekadar peristiwa sejarah yang terhad kepada zaman baginda, tetapi merupakan satu model kepimpinan yang sangat relevan dengan kerangka Matlamat Pembangunan Lestari (SDG), khususnya SDG 16 yang menekankan aspek keamanan, keadilan, dan pembinaan institusi yang inklusif. Model kepimpinan ini berakar pada nilai asas yang telah lama menjadi tunjang ajaran Islam, iaitu prinsip keadilan sosial, kesaksamaan gender, penghormatan terhadap hak-hak minoriti, serta pendekatan berasaskan dialog, toleransi, dan belas kasihan. Menariknya, nilai-nilai ini telah pun dipraktikkan oleh Nabi SAW lebih 1400 tahun yang lalu, jauh mendahului wacana moden mengenai pembangunan lestari yang mula dibincangkan secara serius di peringkat global hanya pada akhir abad ke-20. Dengan itu, dapat difahami bahawa Islam sejak awal lagi telah menawarkan kerangka moral dan sosial yang menyeluruh bagi membina masyarakat yang harmoni, stabil, dan adil.

Kepimpinan kenabian ini bukan sahaja berfungsi dalam konteks masyarakat Arab yang berpecah-pecah pada abad ke-7, tetapi juga berperanan membentuk struktur sosial yang inklusif, merentasi perbezaan kabilah, agama, dan status sosial. Misalnya, Piagam Madinah yang digubal oleh Nabi Muhammad SAW merupakan bukti jelas bagaimana prinsip inklusif, pengiktirafan hak minoriti, dan kerjasama antara komuniti berbeza diaplikasikan secara praktikal. Piagam ini dianggap oleh banyak sarjana sebagai salah satu dokumen awal yang menekankan kontrak sosial berasaskan kesaksamaan, keadilan, dan kelestarian hubungan antara masyarakat majmuk. Khodr dan Elamin (2023) menekankan bahawa warisan ini mempunyai relevansi yang besar dalam konteks dunia moden yang masih berdepan dengan konflik etnik, diskriminasi agama, dan ketidakstabilan politik. Justeru, model kepimpinan Nabi SAW mampu dijadikan rujukan sejagat, bukan hanya untuk umat Islam, tetapi juga untuk seluruh dunia sebagai asas kepada pembangunan lestari.

Dalam konteks kontemporari, nilai-nilai kepimpinan kenabian ini dapat diaplikasikan secara meluas dalam menangani pelbagai cabaran moden. Misalnya, isu diskriminasi gender yang masih berleluasa di banyak negara dapat ditangani dengan merujuk kepada prinsip kesaksamaan gender yang telah diamalkan oleh Nabi SAW melalui pengiktirafan peranan wanita dalam masyarakat Islam awal. Begitu juga dengan isu hak minoriti yang sering menjadi punca konflik global, pendekatan Nabi SAW yang mengiktiraf kewujudan, kebebasan, dan keselamatan golongan bukan Islam dalam masyarakat Madinah dapat dijadikan asas dalam merangka dasar moden yang lebih adil dan inklusif. Hal ini menunjukkan bahawa nilai kepimpinan kenabian tidak terbatas pada dimensi teologi, tetapi berupaya untuk diterjemahkan ke dalam dasar awam, tadbir urus negara, dan kerangka antarabangsa. Dengan menjadikan nilai-nilai kenabian sebagai inspirasi, para pemimpin moden bukan sahaja dapat membina masyarakat yang lebih adil dan inklusif, tetapi juga menolak naratif negatif Islamofobia yang sering melabelkan Islam sebagai agama yang eksklusif atau keras.

Khodr dan Elamin (2023) turut menegaskan bahawa model kepimpinan Nabi SAW boleh dijadikan rujukan global kerana ia berpaksikan nilai kemanusiaan sejagat yang melampaui batas agama dan budaya. Prinsip seperti keadilan, belas kasihan, toleransi, dan keterangkuman merupakan nilai universal yang diterima oleh semua agama dan budaya, sekali gus menjadikan kepimpinan kenabian sebagai model yang bersifat lintas sempadan. Dalam dunia global yang semakin berdepan dengan polarisasi politik, ekstremisme, dan kegagalan institusi dalam menyelesaikan konflik, pendekatan Nabi SAW menyediakan satu naratif alternatif yang membina. Ia bukan sahaja mampu meredakan konflik, tetapi juga menggalakkan kerjasama antara bangsa, agama, dan budaya bagi mencapai keamanan yang holistik. Dengan itu, model kepimpinan Islam dapat berperanan penting dalam menyokong agenda pembangunan global, khususnya dalam usaha mencapai SDG 16.

Secara keseluruhan, dapatan Khodr dan Elamin (2023) mengesahkan bahawa kepimpinan Islam, apabila digabungkan dengan agenda pembangunan global, dapat menjadi asas yang kukuh untuk membina masa depan

yang lebih aman, inklusif, dan lestari untuk seluruh umat manusia. Kepimpinan Nabi SAW yang menekankan prinsip moral, keadilan sosial, dan dialog terbuka bukan sahaja telah terbukti berjaya membentuk masyarakat yang stabil pada zamannya, tetapi juga menawarkan panduan praktikal bagi dunia moden yang berdepan dengan cabaran kompleks. Inilah keunikan model kepimpinan kenabian ia bukan sekadar sejarah atau teori, tetapi satu kerangka hidup yang boleh dijadikan asas dalam membina sistem global yang lebih adil dan manusiawi. Dengan mempromosikan nilai ini di peringkat antarabangsa, kepimpinan Islam boleh dilihat bukan hanya sebagai warisan sejarah, tetapi sebagai sumbangan besar kepada perbahasan global mengenai keamanan, keadilan, dan pembangunan mampan. Oleh itu, kepimpinan Nabi SAW harus diangkat sebagai rujukan global yang autentik, holistik, dan kekal relevan sepanjang zaman.

Dimensi lain yang belum diterokai secara mendalam ialah perbandingan sistematik antara prinsip kepimpinan kenabian dengan tradisi kepimpinan lain seperti model *servant leadership* dalam Kristian, konsep dharma dalam kepimpinan Hindu, atau pendekatan kepimpinan bermoral dalam tradisi sekular Barat. Analisis komparatif sedemikian bukan sahaja dapat menyerlahkan keunikan kepimpinan Islam, bahkan juga mengenal pasti titik persamaan yang boleh dijadikan asas dialog antara budaya dan pembinaan kerangka kepimpinan global yang lebih inklusif.

## KESIMPULAN

Kepimpinan dalam institusi Islam terbukti dipengaruhi oleh gabungan faktor manusia, objektif organisasi dan persekitaran sosio-politik, di mana kejayaan tidak hanya bergantung kepada kemampuan teknikal tetapi lebih kepada keberkesanan kepimpinan, kecekapan pengurusan sumber dan sokongan kewangan. Pemimpin dilihat berfungsi sebagai penghubung antara nilai agama, tuntutan institusi dan tekanan luaran, dengan kepercayaan agama sebagai asas identiti yang membentuk kepimpinan adaptif, termasuk dalam menghadapi isu jantina atau cabaran sistemik. Variasi pendekatan koperatif atau konfrontatif terhadap kerajaan tempatan menunjukkan tahap kepekaan kepimpinan Islam terhadap konteks politik, mengukuhkan peranan dwi-fungsi pemimpin sebagai wakil komuniti dan pengantara negara. Implikasi daripada pola ini menekankan kepimpinan Islam sebagai amanah strategik dan moral, serta keperluan kajian lanjut yang menilai pengaruh faktor dalaman dan luaran dalam era digitalisasi, integrasi budaya dan dasar transnasional.

Dalam konteks konflik dan penindasan, kepimpinan politik Islam menampilkan pola dinamik melalui strategi penyesuaian ideologi, pembinaan naratif identiti dan survival budaya. Gerakan Islam kontemporari berupaya berfungsi walaupun dalam ruang kuasa tidak rasmi, manakala pengalaman sejarah memperlihatkan nasionalisme Islam dan kepimpinan komuniti tidak formal sebagai penjaga identiti ketika berdepan penindasan. Amalan kepimpinan kenabian berasaskan belas kasihan, syura, amanah, keadilan sosial dan penghormatan terhadap minoriti membuktikan kesesuaiannya dengan matlamat global seperti SDG 16, serta menawarkan naratif alternatif bagi menangani Islamofobia melalui dialog dan perdamaian. Oleh itu, model kepimpinan Islam perlu dipromosikan sebagai kerangka global yang menyumbang kepada keadilan dan keamanan, di samping penelitian khusus ke atas pengalaman negeri seperti Sarawak, termasuk kerjasama pemerintah dengan Majlis Islam Sarawak dalam memperkukuh agenda pembangunan mampan. Pendekatan berasaskan nilai Islam ini berpotensi membentuk tadbir urus yang beretika, inklusif dan berdaya saing, sekali gus menyumbang bukan sahaja kepada konteks tempatan tetapi juga kepada perbahasan global mengenai kepimpinan berprinsip dan berdaya tahan. Kajian lanjut dicadangkan bagi mendalami dua aspek: pertama, kepimpinan informal dalam NGO Islam yang beroperasi di luar struktur institusi formal, termasuk peranan tokoh komuniti dalam penggerakan komuniti dan pembinaan modal insan; kedua, kajian perbandingan rentas tradisi keagamaan bagi mengenal pasti persamaan dan perbezaan prinsip kepimpinan Islam berbanding model kepimpinan Kristian, Hindu atau sekular, dengan matlamat membina kerangka kepimpinan global yang lebih komprehensif dan inklusif. Ketiga-tiga aspek perbincangan ini menunjukkan pola konsisten yang saling melengkapi. Kepimpinan institusi menekankan faktor dalaman organisasi seperti kecekapan pengurusan dan integriti moral. Kepimpinan politik pula menekankan ketahanan terhadap faktor luaran seperti tekanan konflik dan penindasan. Manakala kepimpinan kenabian menawarkan asas nilai sejagat yang merangkumi dua aspek tersebut. Gabungan tiga aspek ini memperkukuh pemahaman bahawa kepimpinan Islam adalah fenomena dinamik, berlapis, dan sentiasa relevan merentas zaman.

Walaupun kajian ini mengintegrasikan tiga dimensi kepimpinan Islam secara koheren, terdapat dua batasan utama yang perlu diakui. Pertama, kajian ini lebih memfokuskan kepimpinan formal dalam institusi rasmi seperti masjid, sekolah Islam dan badan kerajaan, manakala data mengenai kepimpinan informal dalam organisasi bukan kerajaan (NGO) masih terhad. Kepimpinan akar umbi dan peranan tokoh komuniti yang beroperasi di luar struktur formal turut memainkan peranan penting dalam pergerakan sosial dan pembangunan masyarakat, namun aspek ini belum dikaji secara mendalam dalam sorotan literatur ini.

## Kepimpinan Islam dari perspektif kenabian dan politik kontemporari

Kedua, kajian ini tidak menjalankan analisis perbandingan dengan tradisi kepemimpinan bukan Islam seperti model kepemimpinan Kristian, Hindu atau sekular Barat. Pendekatan komparatif sedemikian berpotensi memperkayakan pemahaman tentang keunikan dan persamaan prinsip kepemimpinan Islam dengan sistem kepemimpinan lain, sekali gus memperkukuh posisi kepemimpinan Islam dalam wacana global.

### RUJUKAN

- Abdullah, S. R. (2020). Faktor kecekapan tadbir urus dalam pengurusan pembiayaan harta wakaf produktif di Malaysia. *Jurnal Tuah* 1, 117-127.
- Adanan Mat Junod, & Khairunneezam Mohd Noor. (2012). Kerangka integriti kepemimpinan Islam: Pengajaran daripada model kepemimpinan Rasulullah SAW. International Conference on Islamic Leadership-2 (ICIL).
- Dedi, B., Murdiono, K., Theo, K., Taruki, T., & Franszedha, T. I. (2021). Menyasiasi Islamofobia di Barat. *Perspektif*, 16(1). <https://doi.org/10.69621/jpf.v16i1.19>
- Hamoud, T., & Naser-Najjab, N. (2023). Socialising Hamas: Evaluating the structural political developments in the Islamic Palestinian Resistance Movement as a ruling authority between 2006-2017. In PQDT - Global. <https://www.proquest.com/dissertations-theses/strong-socialising-hamas-evaluating-structural/docview/3172948159/se-2?accountid=48462>
- Hamzah, S. Bin, & Zakaria, N. (2022). Critical success factors in the development of Malaysian Islamic marriage management system. In PQDT - Global. <https://www.proquest.com/dissertations-theses/critical-success-factors-development-malaysian/docview/3171078076/se-2?accountid=48462>
- Hanim, A., Hamid, A., Zamir, D. M., & Sharif, M. (2020). Gaya kepemimpinan Islam: Gaya kepemimpinan baharu dalam kalangan pengetua. *International Journal of Education and Pedagogy (IJEAP)*, 2(2).
- Hasan, M. A., Jaafar, M. A., Mokhtar, A. I., Puteh, A., Aini, Z., & Ghani, M. Z. A. (2014). Kepimpinan dalam kisah Nabi Sulaiman AS dengan Hudhud. *Al-Hikmah*, 6(2) 119-128.
- Indra Fauzan, M., & Nidzam Sulaiman, M. (2019). Transisi kepemimpinan dalam Islam: Analisis terhadap cara pemilihan Khulafa' Al-Rasyidin. *Jurnal Hadhari*, 11(2) 245-265.
- Khodr, S. M., & Elamin, M. (2023). Leadership practices of Prophet Muhammad (PBUH) in conflict resolution, and its relevance to United Nations Sustainable Development Goal 16. In PQDT - Global. <https://www.proquest.com/dissertations-theses/leadership-practices-prophet-muhammad-pbuh/docview/2845449975/se-2?accountid=48462>
- Mekawi, Y. S., Cavaillé, C., & Tessler, M. A. (2025). Facing Janus: Local government, Muslim leadership and mosque regulation in Europe. In ProQuest Dissertations and Theses. <https://www.proquest.com/dissertations-theses/facing-janus-local-government-muslim-leadership/docview/3203066151/se-2?accountid=48462>
- MOSTI. (2021). Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (2021-2030). MOSTI, Malaysia.
- Muksin, F. M. (2018). Konflik politik pada novel *Hanum*: Analisis wacana kritis. *Gramatika: Jurnal Ilmiah Kebahasaan dan Kesastraan*, 6(2), 125–136
- Nor Shaidayani Samah, & Abd Ghafar Don. (2020). Faktor regresif dan defensif integriti dalam kepemimpinan Islam. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(3) 141-151.
- Rehman, M. A. H., & Neville, R. C. (2022). Islam, nationalism, and emancipation: The formation of modern Islamic political theology in colonial India, 1857-1947: A semiotic analysis. In ProQuest Dissertations and Theses. <https://www.proquest.com/dissertations-theses/islam-nationalism-emancipation-formation-modern/docview/2642875970/se-2?accountid=48462>
- Rhein, C. M., & De Vos, P. (2021). Early modern Moriscos: Development of the Crypto-Islamic identity in

the Iberian Peninsula. In ProQuest Dissertations and Theses. <https://www.proquest.com/dissertations-theses/early-modern-moriscos-development-crypto-islamic/docview/2572571533/se-2?accountid=48462>

- Setyawan, E., & W. S., D. R. (2022). Mimikri, hibriditas, dan ambivalensi dalam cerpen "Kita Gendong Bergantian" karya Budi Darma: Kajian pascakolonial. *Alayasastra*, 18(1) 43-60. <https://doi.org/10.36567/aly.v18i1.899>
- Shatara, L. H., & Maslin-Ostrowski, P. (2022). Muslim women leading Islamic schools in the United States: Their story. In ProQuest Dissertations and Theses. <https://www.proquest.com/dissertations-theses/muslim-women-leading-islamic-schools-united/docview/2677044116/se-2?accountid=48462>
- Siti Khadijah Mohd Zin, & Ahmad Marzuki Mohammad. (2017). Elemen kerohanian melalui kepemimpinan Islam dalam organisasi pendidikan menjana pembangunan ummah. Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan 2017 (INSAN2017), 2017(November).
- Suraiya Ishak. (2011). Model kepemimpinan etika berlandas sirah Nabi Muhammad SAW. *Jurnal Hadhari*, 3(2) 23-44.
- Suwondo, T. (2017). Kajian wacana sastra pascakolonial dan pembangunan karakter bangsa. *JENTERA: Jurnal Kajian Sastra*, 3(2) 95-105. <https://doi.org/10.26499/jentera.v3i2.440>
- Wan Mohamad, W. R. H., & Siren, N. R. (2020). Islamofobia dalam filem Barat: Analisis kritis dalam filem American Sniper dan 13 Hours: The Secret Soldiers of Benghazi. *Journal of Usuluddin*, 48(2) 57-94. <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol48no2.3>